

BULETIN CITRA

Edisi JANUARI JUN 2024

KOLEJ KEDIAMAN
UITM KAMPUS SUNGAI BULOH,
SELAYANG & TELUK INTAN.

HOME SWEET HOME (HSH) SIRI 2

Pelapor: Muhammad Amirul Azra Azhar

RUMAHKU, SYURGAKU.

Lawatan rumah ke rumah iaitu Home Sweet Home telah berlangsung buat kali kedua. Kali ini pihak penganjur iaitu Exco Keselamatan melaksanakan lawatan sekali lagi bagi menentukan pemenang bagi rumah yang terbaik bagi setiap bangunan kolej di Kampus Sungai Buloh dan juga Kampus Selayang. Sebanyak 135 unit rumah kediaman telah dilawat dan pemenang ditentukan melalui kebersihan meja makan, bilik tidur, tandas dan ruang tamu.



Hadiah diberikan kepada para pemenang pada program Nurani Raya yang berlangsung pada 26 April 2024. Tahniah diucapkan kepada semua para pemenang. Semoga segala usaha yang telah dilaksanakan dalam program ini bagi mencantik dan menceriakan suasana di dalam rumah masing-masing. Diharapkan kebersihan rumah daripada program ini dapat terus dikekalkan sehingga bila-bila.